

APA PERANAN ANDA?

Anda boleh memeriksa laporan Draft Rancangan Kawasan Khas Kampung Sri Lumpur sepanjang program publisiti diadakan:

TARIKH

3 FEBRUARI 2019
SEHINGGA
4 MAC 2019

MASA

8.30 PAGI
SEHINGGA
4.00 PETANG
(AHAD-KHAMIS)

LOKASI

PEJABAT MAJLIS DAERAH MERSING
PEJABAT DAERAH MERSING
KOMPLEKS NIAGA MOHD ARIS (WARUNG 16)
PLANMalaysia@JOHOR

Anda juga boleh memuat turun laporan, Borang Penyertaan Awam dan keterangan lanjut mengenai Rancangan Kawasan Khas Kampung Sri Lumpur, Mersing ini di laman web berikut:

 www.mdmersing.gov.my
 MY Mersing
 mymersing
 www.jpbd.johor.gov.my
 epublisiti.townplan.gov.my



<https://bit.ly/2Chkptz>

Sekiranya anda mempunyai bantahan dan cadangan terhadap laporan tersebut, anda dialu-alukan untuk menyampaikan melalui Borang Penyertaan Awam yang disediakan dan mengembalikannya kepada alamat yang dinyatakan dibawah sebelum atau pada 4 Mac 2019

Yang Dipertua
Majlis Daerah Mersing
No. 1, Jalan Tun Dr. Ismail
86800 Mersing
Johor Darul Ta'zim
Tel : 07-798 1818 Faks: 07-799 3975



PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS KAMPUNG SRI LUMPUR MERSING

3 FEBRUARI 2019 - 4 MAC 2019
8.30 PAGI - 4.00 PETANG
(HARI BEKERJA)

KEPERLUAN PENYEDIAAN RKK

Rancangan Kawasan Khas (RKK) Kampung Sri Lumpur, Mersing, Johor disediakan selaras dengan peruntukan subseksyen 16B, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).

Ia merupakan dokumen perancangan dan pembangunan guna tanah secara terperinci bagi tempoh 2018 - 2030. Kandungan utama RKK adalah pelan cadangan guna tanah dan cadangan pelan tindakan yang merangkumi projek pembangunan, fasa pelaksanaan dan kos pembangunan.

PROFIL KAWASAN RKK

LUAS KAWASAN RKK

393.73 hektar
/ 972.93 ekar

LOKASI

Mukim Mersing

KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH MERSING

- Kawasan Kawalan (527.03 ekar/ 54.17%)
- Kawasan Operasi (445.90 ekar/45.83%)

PENDUDUK 2018

8,408 Orang

SEMPADAN GEO POLITIK

Parlimen

- P-154 Mersing

DUN

- N32 Endau (750.70 ekar / 77.16%)
- N33 Tenggaraoh (222.23 ekar / 22.84%)

PETEMPATAN / KAMPUNG

- Bandar Mersing (66.64 ekar/6.85%)
- Kampung Bahagia (385.36 ekar/39.61%)
- Kampung Mersing Kanan (134.56 ekar/13.83%)
- Kampung Air Merah (229.82 ekar/23.62%)
- Kampung Pengkalan Batu (156.55 ekar/16.09%)

GUNA TANAH SEMASA, 2018



GUNATANAH	LUAS (Ekar)	%
Perumahan	67.15	6.90
Komersial	36.87	3.79
Institusi dan Kemudahan	22.61	2.32
Tanah Lapang dan Rekreasi	9.69	1.00
Tanah Kosong	20.34	2.09
Pengangkutan, Infrastruktur & Utiliti	116.92	12.02
Pertanian	488.59	50.22
Hutan, Badan Air dan Pantai	210.76	21.66
JUMLAH KESELURUHAN	972.93	100.00

MATLAMAT PEMBANGUNAN

Merancang Pembangunan Semula Kampung Sri Lumpur dan sekitarnya sebagai kawasan perkampungan nelayan yang lebih teratur dengan penyediaan kemudahan bagi menyokong aktiviti pelancongan

STRATEGI PEMBANGUNAN

Menambahbaik kawasan perkampungan Kg Sri Lumpur dan sebahagian Kg Bahagia melalui penyusunan semula, pembangunan semula dan penambahan komponen pembangunan ke arah menjadikan perkampungan ini sebagai perkampungan nelayan dan destinasi pelancongan



Zon Perancangan 1 :
Kg Sri Lumpur dan sebahagian
Kampung Bahagia

S2 Mengeksploitasi Sungai Mersing dan Pesisir Pantai Mersing sebagai aset dan sumber kearah menyokong aktiviti pelancongan Mersing di masa akan datang



Zon Perancangan 2 :
Sungai Mersing dan Pesisir
Pantai Mersing

S3

Memperkukuhkan dan meningkatkan kualiti persekitaran kawasan Pusat Bandar Mersing sebagai pusat pentadbiran, perniagaan dan pelancongan



Zon Perancangan 3 :
Bandar Mersing

S4

Memperkukuhkan dan mempertingkatkan sistem perhubungan, infrastruktur dan utiliti ke arah tahap kemudahsamaan yang tinggi dan berkualiti



Zon Perancangan 4 :
Koridor Mersing - Endau

S5

Menjadikan Kg Mersing Kanan, Kg Bahagia, Kg Air Merah dan Kg Pengkalan Batu sebagai sebuah petempatan yang teratur, berkualiti dan selamat dengan memfokuskan kepada kediaman berdensiti rendah dan menyokong aktiviti pelancongan sedi ada di sekitar khususnya



Zon Perancangan 5 :
Kampung Mersing Kanan
Zon Perancangan 6 :
Kg Bahagia
Zon Perancangan 7 :
Kg Air Merah
Zon Perancangan 8 :
Kg Pengkalan Batu